



Kejatuhan Nilai Ringgit Malaysia

Ringgit Malaysia (RM) merupakan unit mata wang Malaysia yang menggunakan kod mata wang MYR. Unit mata wang ini dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) pada 12 Jun 1967. Sistem kadar pertukaran Malaysia dibangunkan daripada sistem Bretton Woods yang terawal kepada sistem terapung. Semasa krisis kewangan

Asia pada tahun 1997, kadar pertukaran telah ditambah kepada Dolar Amerika (USD) kerana RM mengalami tekanan yang sangat kuat sehingga membawa kepada penurunan nilainya mencecah RM4.72 setiap satu USD. Pada Julai 2005 mata wang negara telah diapungkan semula supaya nilai mata wang tersebut ditentukan oleh nilai pasaran semasa.

Pertukaran asing berlaku apabila suatu mata wang ditukar kepada mata wang lain. Permintaan yang tinggi terhadap sesuatu mata wang akan menaikkan nilai mata wang tersebut dan sebaliknya permintaan yang rendah akan menurunkan nilainya. Perubahan nilai mata wang RM adalah antara isu ekonomi yang menjadi tumpuan umum masa ini. Kejatuhan nilai RM amat membimbangkan banyak pihak termasuklah pembuat dasar, firma multinasional, pelabur, pengimport, pengeksporth, pelajar asing dan juga para pelancong.

Faktor Penentu dan Pemulihan Kadar Tukaran Asing

Banyak faktor menentukan kadar pertukaran mata wang dunia. Antara faktor penentu utama kadar pertukaran antara dua negara termasuklah:

- **Kadar Inflasi**

Lazimnya, negara yang mempunyai kadar inflasi yang lebih rendah secara

konsisten menunjukkan nilai mata wang yang meningkat kerana kuasa belinya meningkat berbanding dengan mata wang lain. Negara yang mengalami inflasi yang lebih tinggi biasanya memperlihatkan susut nilai dalam mata wang mereka. Pada bulan Julai yang lalu, Gabenor BNM, Datuk Abdul Rasheed Ghaffour telah menyatakan bahawa inflasi teras masih tinggi, malah lebih tinggi daripada biasa.

Kadar inflasi yang tinggi berlaku kerana terdapat peningkatan harga barangan secara mendadak dalam sesebuah negara. Akibatnya, berlaku penurunan kuasa beli di negara tersebut. Di Malaysia jika inflasi lebih tinggi berbanding dengan negara lain, secara amnya harga barangan di negara ini lebih tinggi. Hal itu menyebabkan permintaan eksport barangan Malaysia jatuh dan permintaan RM juga merosot. Jika kadar inflasi yang tinggi ini tidak dikawal, nilai RM akan terus merudum.

Antara dasar kewangan yang dapat diambil bagi mengawal inflasi adalah dengan meningkatkan nisbah rizab berkanun, menaikkan kadar bank dan menjual surat jaminan kerajaan. Langkah tersebut akan mengurangkan kuasa beli masyarakat dan permintaan agregat akan menurun serta mengelakkan lebih ramai rakyat Malaysia berbelanja menggunakan wang pinjaman untuk menampung gaya hidup. Apabila wang kurang beredar dalam pasaran, inflasi akan dapat dibendung dan nilai RM akan mengukuh semula.

■ **Kadar faedah**

Yang Amat Berhormat (YAB) Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim mengakui bahawa kejatuhan nilai mata wang

RM turut dipengaruhi oleh kadar faedah negara yang rendah. Adalah menjadi amalan biasa bagi kadar faedah yang lebih tinggi untuk menarik pelabur asing yang boleh membawa kepada peningkatan dalam permintaan terhadap mata wang tempatan dan seterusnya pengukuhan kadar pertukaran. Kadar faedah, inflasi, dan kadar pertukaran wang semuanya berkorelasi. Bank pusat dapat memberikan pengaruh ke atas kedua-dua inflasi dan kadar pertukaran wang dengan memanipulasi kadar faedah. Kadar faedah yang lebih tinggi menawarkan pemberi pinjaman kadar pulangan yang lebih tinggi berbanding dengan negara lain. Melalui kadar faedah yang lebih tinggi dapat menarik modal asing dan menyebabkan kadar pertukaran mata wang meningkat.

Peningkatan kadar faedah mampu menjanjikan pulangan yang lebih tinggi, hal ini boleh menjadi faktor penarik pelabur asing untuk melabur di Malaysia. Oleh itu, BNM perlu memantau kadar faedah dan membuat penyesuaian kadar faedah yang mampu menarik dana asing tanpa membebankan perniagaan tempatan. Kemasukan dana asing akan menaikkan permintaan terhadap RM.

■ **Imbangan akaun semasa**

Akaun semasa merupakanimbangan perdagangan antara negara dengan rakan dagangannya dan mencerminkan semua pembayaran antara negara untuk barangan, perkhidmatan, faedah dan dividen. Defisit dalam akaun semasa menunjukkan negara berbelanja lebih banyak untuk perdagangan asing daripada pendapatan dan meminjam modal daripada sumber asing untuk menampung defisit.

Dalam erti kata lain, negara memerlukan lebih banyak mata wang asing daripada yang diterima melalui jualan eksport dan membekalkan lebih banyak mata wang sendiri daripada permintaan luar untuk produknya. Lebihan permintaan terhadap mata wang asing akan merendahkan kadar pertukaran negara sehingga produk domestik menjadi murah untuk warga asing dan aset asing menjadi terlalu mahal untuk menjana jualan bagi kepentingan domestik.

Kenyataan media Kementerian Ekonomi bertarikh 12 Mei 2023 melaporkan imbangan akaun semasa mencatatkan lebihan yang semakin mengecil, iaitu RM4.3 bilion atau 1.0 % terhadap Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada suku pertama tahun 2023. Hal ini memperlihatkan penurunan daripada RM27.5 bilion (5.9% kepada KDNK) pada suku tahun sebelumnya. Aliran keluar bersih pula meningkat kepada RM2.4 bilion berbanding dengan RM1.1 bilion pada suku tahun sebelumnya. Jika keadaan ini berlanjutan, dikhuatiri akan berlaku defisit akaun semasa yang pastinya akan memberikan kesan buruk terhadap kadar tukaran mata wang RM.

Langkah utama untuk memperbaiki imbangan akaun semasa negara adalah dengan meningkatkan eksport keluaran negara dan mengurangkan aktiviti import. Kerajaan disarankan agar mencari pasaran baharu untuk eksport barangan keluaran negara, mempelbagaikan produk eksport untuk mengurangkan kebergantungan terhadap eksport produk utama, meningkatkan kualiti dan inovasi produk keluaran negara, mempergiat



aktiviti promosi produk negara di pameran dagangan antarabangsa, dan menjaga hubungan dagangan Malaysia dengan negara luar. Langkah tersebut adalah bertujuan untuk meningkatkan nilai eksport negara.

Di samping itu, jumlah import dapat dikurangkan dengan menggalakkan penggunaan barangan keluaran tempatan bagi menggantikan barangan import. Memperkukuh sektor pengeluaran tempatan, meningkatkan produktiviti dan kreativiti tenaga kerja tempatan melalui latihan dan pendidikan, memberikan sokongan dan insentif bagi pengusaha tempatan dan meningkatkan kesedaran awam tentang kepentingan membeli barangan tempatan akan mengurangkan permintaan terhadap barangan import. Kerjasama erat antara pihak swasta dengan kerajaan diperlukan demi memulihkan defisit akaun semasa dan seterusnya

menguatkan kembali nilai mata wang RM.

■ **Hutang awam**

Setiap negara perlu membayar projek sektor awam dan pembiayaan kerajaan. Walaupun aktiviti sedemikian merangsang ekonomi domestik, hal tersebut juga boleh menambahkan hutang awam negara. Hutang awam yang besar akan mengurangkan minat pelabur asing untuk melabur di negara kita. Hal ini disebabkan oleh jumlah hutang yang besar akan menggalakkan inflasi dan seterusnya mengakibatkan penurunan nilai mata wang.

Dalam senario terburuk, kerajaan mungkin mencetak wang untuk membayar sebahagian daripada hutang yang besar tetapi meningkatkan bekalan wang yang akan menyebabkan kadar inflasi meningkat. Tambahan lagi, jika kerajaan tidak dapat menyelesaikan defisit yang berlaku melalui cara domestik dengan menjual bon domestik atau meningkatkan bekalan wang, maka itu kerajaan

perlu meningkatkan bekalan sekuriti untuk dijual kepada pasaran luar.

Natijahnya hutang yang besar mungkin membimbangkan para pelabur asing jika mereka percaya bahawa negara itu berisiko memungkir kewajibannya. Pelabur asing akan mengurangkan minat mereka untuk membeli sekuriti dalam denominasi mata wang sesebuah negara jika risiko mungkir adalah tinggi. Oleh sebab itu, penarafan hutang negara (seperti yang ditentukan oleh Moody's atau Standard & Poor's,) merupakan penentu penting bagi kadar pertukaran.

Bagi mengurangkan hutang awam, langkah utama yang perlu diambil oleh kerajaan adalah dengan mengawal perbelanjaan awam. Pembaziran dana awam perlulah dielakkan sama sekali. Hampir setiap tahun Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mendedahkan bahawa berlaku pembaziran dan ketirisan dana awam.

Sebagai contoh, LKAN 2021 Siri 2 melaporkan bahawa kehilangan atau kerugian wang awam, pembayaran tidak teratur dan pembaziran sejumlah RM158.08 juta yang dikesan di tiga kementerian dan empat agensi Persekutuan. Pihak berwajib perlu serius dengan mengambil tindakan bersepadu bagi mengawal ketirisan tersebut. Kertas siasatan perlu dibuka untuk menyiasat salah guna kuasa dan rasuah sekiranya hal tersebut berlaku berkaitan kesalahan menggunakan dana awam. Dana awam perlu digunakan dengan perancangan yang teliti mengikut prosedur yang ditetapkan. Tindakan punitif perlu dikenakan ke atas sebarang kesalahan ketirisan dan pembaziran dana awam.

■ **Kiriman mata wang RM ke luar negara**

Wang yang dikirim oleh pekerja asing ke negara asal mereka boleh memberikan kesan terhadap kadar pertukaran mata wang di sesebuah negara. Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Datuk Shamsuddin Bardan melaporkan secara rasminya sejumlah RM34 bilion aliran keluar pengiriman wang secara besar-besaran oleh pekerja asing dalam masa setahun. Hal ini tidak termasuk pekerja asing yang tidak sah (pendatang asing tanpa izin - PATI). Oleh sebab itu, pengaliran keluar wang mungkin satu kali ganda dari nilai rasmi.

Aliran keluar pengiriman wang secara besar-besaran menyebabkan permintaan ke atas RM berkurangan, maka akan membawa kepada penurunan nilai mata wang RM. Kiriman wang keluar yang tinggi akan menjejaskan kestabilan kewangan negara, terutama jika jumlah kiriman wang melebihi

Aliran keluar pengiriman wang secara besar-besaran menyebabkan permintaan ke atas RM berkurangan, maka akan membawa kepada penurunan nilai mata wang RM.

kiriman wang masuk. Sekiranya hal ini berlaku, risiko menyebabkan defisit akaun semasa yang boleh menyebabkan penurunan nilai tukaran wang. Apakah yang perlu dilakukan bagi membendung perkara ini?

Perkara utama yang perlu dilakukan adalah dengan mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing. Majikan perlu beralih kepada ekonomi berasaskan pengetahuan yang dipacu oleh tenaga kerja mahir menggunakan mekanisasi dan automasi. Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan bagi 21 seksyen ekonomi telah membangunkan 2062 standard pekerjaan yang menjadi rujukan dalam pembangunan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional

(TVET) di institusi latihan awam dan swasta mengikut tahap kemahiran yang diperlukan. Input pakar industri diambil dalam pembangunan standard pekerjaan ini supaya hal tersebut mengikut permintaan pekerjaan baharu dan perkembangan teknologi terkini.

Pelaksanaan program peningkatan kemahiran dan latihan semula bertujuan untuk meningkatkan kebolehpasaran pekerja tempatan. Kursus yang ditawarkan dalam program ini tidak terhad kepada pembelajaran formal dan mata pelajaran teknologi tinggi semata-mata. Kursus seperti penjagaan kanak-kanak, penjagaan warga emas dan pembuatan kek juga turut ditawarkan. Majlis Pekerjaan Negara juga perlu dibentuk bagi membantu rakyat Malaysia mendapat peluang pekerjaan.

Selain itu, kebanjiran PATI juga perlu dibendung. Pihak berkuasa maritim, imigresen dan tentera laut perlu bekerjasama dan bertindak secara bersepadu bagi menyekat kemasukan PATI. Pelbagai operasi seperti Operasi Pemutihan, Operasi Nyah dan Operasi Gelombang 3 perlu diadaka secara konsisten untuk membenters limpahan PATI. Tindakan tegas pihak berwajib secara berterusan akan dapat membendung kemasukan PATI ke Malaysia. Hal ni akan mengurangkan aliran wang ke luar negara seterusnya memberikan kesan positif ke atas tukaran RM.

■ **Pelancong asing**

Pada tahun 2022, Malaysia menduduki tempat kelima dengan jumlah kehadiran pelancong antara negara ASEAN sebanyak tiga juta selepas Thailand (11.15 juta), Singapura (6.3 juta), Indonesia (5.47 juta) dan Vietnam (3.66 juta). Kemasukan pelancong